

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Pertanyaan daripada

Cik Fatimah bin Haji Dawud

Pengkalan Perigi,

Batu 8, Tanjung Keling,

Melaka.

1. “Adakah batal sembahyang seseorang perempuan memakai *spray* (SPRAY) rambut membawanya dalam sembahyang?”
2. “Bangkai semut adakah najis yang dimaafkan, adakah dikira najis jika banyak semut yang mati di dalam benda-benda yang cair, seperti dalam susu minyak dan lain-lain?”.

Jawab

1. Cik Fatimah hendaklah menyelidiki terlebih dahulu jenis *spray* yang dipakai itu, adakah ia daripada jenis yang dicampuri dengan bahan-bahan alkohol atau pun ia daripada jenis yang tidak dicampuri dengan bahan-bahan kimia yang memabukkan, seperti alkohol *spirit* dan sebagainya. Jika jenis *spray* yang dipakai itu mengandungi bahan-bahan kimia yang memabukkan, maka tidak bolehlah dibawa sembahyang, kerana tiap-tiap jenis bahan-bahan kimia yang memabukkan ini adalah hukumnya najis dan tiap-tiap benda yang najis itu haram dipakai apatah lagi dibawa dalam sembahyang.

2. Semut adalah di antara jenis serangga yang tidak mengalirkan darah waktu ia dibunuh, maka setiap jenis serangga yang tidak mengalirkan darah itu bangkainya tidaklah dikira najis, seperti bangkai semut yang menjadikan kemasukan kepada cik Fatimah itu. Jika semut-semut itu mati di dalam benda-benda yang cair walau seberapa banyak sekalipun, bolehlah dikeluarkan sahaja dengan perlahan-lahan atau dengan menggunakan tapis dan susu atau minyak itu bolehlah digunakan.

Ada juga setengah-setengah orang berasa geli hendak meminum air susu atau menggunakan minyak yang bekas dimasuki oleh bangkai-bangkai semut itu, kalau diminumnya juga air susu bekas bangkai-bangkai semut itu ia akan muntah-muntah. Soal geli ini hanya merupakan suatu perasaan sahaja, ia tidak kena-mengena dengan soal hukum halal atau pun haram.

Saya sendiri umpamanya, geli memakan belalang goreng, sedang belalang itu hukumnya halal dimakan oleh orang-orang Islam, tetapi kerana saya geli, hingga sekarang saya tak pernah merasa nikmat kelazatan belalang goreng yang dikatakan tersangat sedap – lebih sedap dari rasa udang goreng – menurut keterangan orang-orang yang biasa memakannya.

Jadi dengan sebab adanya perasaan geli memakan belalang itu tertanam dijiwa saya dari sejak semula jadi, maka saya tak bolehlah mengatakan belalang itu haram sedangkan shara‘ mengatakan halal. Begitu pulalah halnya dengan

bersambung ke muka (42)